

BN CELARU
Chedet.cc
13 October 2017
Tun Dr Mahathir Mohamad

1. BN ternampak celaru kerana tak dapat menentukan Pakatan Harapan (PH) ini didominasi oleh siapa.
2. Najib dan UMNO berhempas pulas mendakwa jika PH menang DAP dan Kit Siang akan mengambil alih negara ini. Ini juga yang diulangi oleh ketua penerangan UMNO. Bila ditanya bagaimana Najib boleh ada 2.6 billion Ringgit dalam akaunnya, Annuar jawab DAP akan kuasai PH.
3. Tak tahulah kerana tak dapat dengarkah atau telinga tersumbat dengan dedak, tetapi yang jelas ialah segala pertanyaan berkenaan 1MDB atau 2.6 billion, jawapannya ialah DAP yang mendominasi PH dan Kit Siang akan jadi Perdana Menteri.
4. Sebaliknya MCA pula mendakwa Kit Siang sudah jual dirinya dan DAP kepada Bersatu. Ini disusuli dengan Raja Petra Kamarudin (RPK) yang mengumumkan kepada dunia bahawa Dr. Mahathir telah sogok Kit Siang dengan 1(Satu) billion Ringgit. Wah! Kayanya saya. Tetapi saya tak gila macam RPK. Kalau saya ada 1 billion, saya akan bina mahligai dan bukan rumah biasa yang diduduki oleh saya.
5. Jangan tanya saya dari mana saya dapat satu billion. Tanya RPK. Jawabnya mungkin Arab bagi. Jika dia tahu saya boleh bagi 1 billion Ringgit kepada Kit Siang dia tentu tahu dari mana saya dapat duit itu. Yang diketahui umum ialah dari mana RPK dapat duit.
6. Yang perlu ditentukan oleh Barisan Nasional ialah siapa beli siapa. Kit Siang beli saya atau saya beli Kit Siang di Malaysia.
7. Bekas wakil Transparency International di Malaysia pula cukup telus dan transparent. Tentulah dia nampak duit 1 billion yang ada pada saya. Dinding setebal 10 kaki pun, matanya boleh tembusi. Apatah lagi duit kertas.
8. Apalah sangat saya ini yang nak ditakuti. Umur sudah 92 tahun. Tak ada duit pun. Jauh sekali nak sogok Kit Siang dengan 1 billion Ringgit pun. Tak pernah bangun apa pun. Tak dilayan seperti Najib oleh Presiden Amerika. Tak dapat sogok Trump dengan 90 billion Ringgit. Tidak dipeluk oleh Presiden kuasa dunia terbesar kerana menyelamatkan ekonomi Amerika Syarikat.
9. Namun saya bangga. Belum ada Perdana Menteri Malaysia yang mampu menyelamatkan kuasa dunia. Tetapi sekarang ada.
10. Tahniah kepada Kerajaan dan Najib dan Menteri-Menteri Barisan Nasional. Kamu sudah "put Malaysia on the world map". Tahniah.
11. Teruskan dengan kecelaruan. Tubuhkan satu lagi 1MDB. Hutang berbillion lagi. Percayalah kamu akan disokong oleh konco-konco kamu selama-lamanya.
12. Tahniah – Congrats Najib.
13. We are so proud of you.

16 thoughts on "BN CELARU"

1.



2. [Log in to Reply Hajar](#) Oct 17, 2017 8:49 AM

Salam YAB dan Yang DiSanjungi Tun,

Mohon izin Tun untuk berkomunikasi dengan Sdr. 'Anak.muda' (Oct 16, 2017 10:07 AM):

W'salam, terima kasih atas pandangan Sdr.

1. Saya pun boleh cadangkan supaya orang bukan Islam usah ambil peduli tentang kedai dobi 'for Muslims only' etc. Kita sebagai orang Islam wajib mencari yang halal, suci dan bersih (dituntut dalam Islam).
2. Saya tidak rasa terhina jika ada yang mahu buka kedai dobi 'for non-Muslims only'. In fact, I will be so happy. Dipersilakan dengan segala hormatnya.
3. Mengenai daging lembu (yang tidak haram di sisi agama Islam), saya tidak mahu komen kerana ada juga golongan yang cuma makan sayur-sayuran saja (lagipun mereka minoriti). Kita tidak perlu merumitkan keadaan (jika tidak perlu). Islam itu mudah.
4. Kebanyakan orang Melayu Islam memang sangat baik hati dan sentiasa berusaha untuk menyokong orang bukan Islam (ini yang dikatakan 'lebih sudu dari kuah' – mereka yang beriya sangat; orang bukan Islam tengok pun bersorak agaknya – sudah ada buktinya; Syabas!). Sebab itu kita berada dalam keadaan yang teramat lemah (sentiasa dipijak-pijak).
5. Saya anggap anda mempersenda hukum Islam bila bercakap tentang pengasingan garpu/ sudu/ pinggan etc di restoren. Mengapa tidak cadangkan tempat duduk asing, kaunter bayaran asing, pintu asing, etc.?
6. 60 peratus pun majoriti juga. Malaysia ialah sebuah negara Islam (anda lupakah?). Jika kita sendiri memperlekeh status negara Islam kita, jangan haraplah ada orang bukan Islam yang mahu menghormati kita. Fikirkanlah.

Terima kasih Tun.

P/S: Ada rakyat Malaysia yang rasis yang tidak pandai menulis dalam BM (walaupun lahir dan membesar di Malaysia), tetapi sentiasa istiqomah menggelar orang lain 'stupid'. Mungkin orang ini ada kad 'OKU Pembelajaran BM'. Bolehlah kita maafkan si Polan ini. Banyak kali saya cabar beliau untuk menulis dalam BM (hampeh). Obviously this person is a coward!

– Semoga Allah SWT sentiasa merahmati Tun sekeluarga –

3.

4.  [Log in to Reply musato](#) Oct 16, 2017 7:48 PM

Assalamualaikum Tun.

Memang benar juga kata kata Sultan Johor suruh duduk dalam gua.

Sepanjang pengetahuan saya, sebab itulah juga sekolah tahfiz sengaja dibakar. Kerana mulut. Seperti pepatah orang tua, kerana mulut badan binasa.

Malah melalui pembacaan saya dalam buku wasiat kerohanian Syeikh Abdul Qadir Al Jailani yang berusia 900 tahun, beliau turut menulis bahawa apabila sampai pada satu tahap, orang yang dah habis belajar baru boleh bercampur dengan orang ramai.

Tetapi adalah menjadi tugas guru guru agama memperjelaskan dan memberi pandangan mengikut kesesuaiannya. Kerana agama rasmi Malaysia adalah agama Islam.

Terima kasih Tun.

5.

6.  [Log in to Reply Dave Copper](#) Oct 16, 2017 2:22 PM

Well said Anak.Muda

One day, when the "empty can" and "very rude" one involved in a car accident and need blood transfusion. Make sure we let them die if only non-muslim blood is available in the hospital.

While Sultan Johor, as the head of state religion is trying to maintain the peace and unity of the multi-racial people in the country. Zombihan, and the stupid ex-CJ think they are above the Sultan. Pathetic!

<https://www.youtube.com/watch?v=phzi9dHEz4Y>

7.

8.  [Log in to Reply musato](#) Oct 16, 2017 1:41 PM

Assalamualaikum Tun.

Saya tertarik dengan isu yang dibawa oleh saudara anak muda dan pn hajar.

Berkenaan amalan yang perlu bagi umat Islam adalah seperti yang di ajar oleh guru guru agama di Malaysia. Iaitu golongan ahli sunnah wal jamaah.

Tasawuf adalah salah satu cabang ilmu pengetahuan dalam Islam.

Di dalamnya terdapat perkataan 'dzauk' iaitu tenggelam dalam kecintaan pada Allah swt. Dikatakan dosa individu tersebut akan diampunkan semasa proses 'dzauk' tersebut – berkenaan perkara ini perlu disemak semula dengan guru agama. Saya terbaca mengenai perkara ini hanya sekali sahaja.

Adalah tidak tepat untuk menafsirkan bahawa orang yang dikurniakan kelebihan oleh Allah swt kepada dirinya hanya didedahkan dengan hal hal kebaikan sahaja.

Ini adalah perjalanan ke arah keimanan dan ketakwaan. Inilah yang diarahkan dan disuruh oleh guru guru agama (bukan politik. Bukan PAS).

Sesuai dengan keadaannya, pintu hijab akan terbuka bagi mereka yang dipilih oleh Allah swt.

Guru guru agama hanya menegaskan tentang perlunya kita menjaga makan minum, pakaian, kebersihan, kesucian dll bagi kita menjaga amalan ibadah kita sendiri. Bagi perniagaan dobi Islamik, orang bukan muslim pun tak bising. Kita yang kecohkan.

Saya diberitahu oleh peniaga cina bahawa kalau anda tidak mahu beli kenapa beli? Kalau mahal anda boleh pergi ke kedai lain.

Peniaga dobi Islamik boleh membuka perniagaan dengan meletakkan seorang pekerja bagi mengasingkan pelanggan. Tak perlu papantanda pun.

Jaga makan minum diri sendiri. Apa yang boleh kita elak, kita elak sebagai tanda ketakwaan kita kepada Alla swt.

Kalau dah tak boleh elak, nak buat macam mana? Kita redah je ler...Asal ingat pada Allah swt.

Terima kasih Tun.

9.



10. [Log in to Reply](#) **Anak.muda** Oct 16, 2017 10:07 AM

Assalamualaikum pn hajar..

Saya rasa x salah kalau saya nk menyuarakan pandangan saya...contohnya mudah sahaja..tak perlu ambil peduli tentang restoran non muslim dan sebagainya.

1.bayangkan kalau ada dobi yang bertulis:"for non muslim only".apakah perasaan kita?ianya sangat2 berbeza dengan restoran yg bertulis for non muslim only..orang islam beranggapan yang restoran itu menghormati agama islam kerana memberi amaran seperti itu..lain kesnya jikalau betul2 terdapat dobi "for non muslim only" tersebut..orang2 islam disini pasti akan terasa terhina melihat dobi tersebut..

2.ambil satu lagi contoh.kita sedia maklum orang beragama hindu tidak boleh memakan daging lembu.katakanlah dipasaraya bahagian penjualan daging lembu bertulis "for non hindus only".saya pasti tidak akan ada orang hindu yang terasa dengan pasaraya tersebut sebaliknya memuji kerana concern dengan hukum agama mereka..

3.kalau kita nk buat separation juga antara muslim dan non muslim.cuba bayangkan. restoran juga perlu mengasingkan pinggan,sudu dan garfu muslim dan non muslim.manalah tahu kalau2 waktu sarapan pagi orang cina ni makan daging babi.diwaktu tengah hari dia makan di restoran kedai mamak.manalah tahu sisa2 daging babi tu melekat di celah gigi die kan? Kolam renang juga perlu diasingkan muslim dan non muslim yelah air liur si non muslim mungkin mengandungi najis2 mughallazah.kan?

4.jadi usaha murni pengusaha dobi for muslim only tersebut memang saya rasakan tidak tepat dinegara yang berpopulasi 60% muslim dan 40% non muslim bersamaan 18 juta muslim dan 12 juta non muslim.

11.



12. [Log in to Reply Hajar](#) Oct 16, 2017 9:42 AM

Salam YAB dan Yang DiSanjungi Tun,

Mohon izin Tun untuk letak 'link' di bawah untuk mengelakkan lebih banyak kecelaruan dan kekeliruan di kalangan bijak pandai di Malaysia yang mengakui hebat berfikir secara kritis (logik):

<http://www.themalaymailonline.com/malaysia/article/ex-cj-defends-muslim-only-laundromats-says-not-illegal-for-individuals-to-d#w04gYRRhR88WpDYD.97>

Terima kasih Tun.

– Semoga Allah SWT sentiasa merahmati Tun sekeluarga –

13.



14. [Log in to Reply Hajar](#) Oct 15, 2017 11:18 PM

Salam YAB dan Yang DiSanjungi Tun,

1. BN memang bercelaru kerana dipimpin oleh si PM Kleptokrat.
2. Kecelaruan biasanya berlaku jika tiada pegangan yang mantap (kukuh) ke atas satu-satu perkara. Langkah yang diambil selalunya ada banyak percanggahan atau tidak konsisten.
3. Kecelaruan pemikiran biasanya berlaku kepada yang lemah (tahap kekuatan mental yang rendah), dan mudah terpengaruh dengan pandangan orang lain tanpa melakukan kajian yang teliti dan mencukupi sebelum sebarang langkah diambil.
4. Kita juga ada golongan yang bercelaru (keliru) dalam mentafsir ajaran Islam yang sebenar. Yang mempertikaikan dua kalimah syahadah pun ada (I wonder how this person and all his supporters 'mengucap syahadah' – wajib diucap dalam setiap solat).

5. Niat baik seorang Islam untuk menyediakan tempat dobi (laundrette) untuk 'Muslim sahaja' dianggap bersifat perkauman dan kononnya bersifat 'ala-Taliban'. Saya tidak nampak di mana 'Taliban' nya hal ini. Bagi saya ia bukan isu. Banyak lagi pilihan kedai-kedai dobi yang bersedia menerima sesiapa saja. Lain orang lain keperluannya. Itu hak mereka. (Saya ada pengalaman buruk lihat benda2 kotor dibasuh di mesin basuh awam – laundrette; geli geleman melihatnya).
6. Dari sudut lain, bagaimana dengan restoren yang saji makanan-makanan haram? Tidakkah secara 'tidak langsung' mereka cuma menyediakan restoren untuk 'orang bukan Islam sahaja' (for non-Muslims only). Mereka ini juga tidak sensitif terhadap kepelbagaian agama/kaum di Malaysia. Mengapa tiada orang yang 'sentap' dengan situasi ini yang berlaku sejak sekian lama?
7. Sama juga dengan tempat-tempat judi /arak dan lain-lain premis maksiat. Bukankah pemilik2 juga sediakan tempat-tempat khusus untuk 'non-Muslims' sahaja? Jadi mengapa tidak beri amaran tutup kepada kesemua premis-premis sebegini (untuk berlaku adil kepada semua kaum/agama)? Mengapa umat Islam sahaja perlu menghormati keperluan orang bukan Islam sedangkan tidak sebaliknya?
8. Saya sekadar bertanya soalan-soalan yang amat logik (bukan mempertikai hak-hak yang telah dipersetujui -> untuk makluman pihak2 berkenaan).
9. Jika saya 'ditangkap' berjudi di Genting, saya akan didakwa, tak gitu? (Saya dilarang masuk ke pusat-pusat judi yang khusus untuk orang bukan Islam sahaja. Saya ok dengan peraturan ini, tetapi sekadar memberi contoh.)
10. Apa kata rokok diharamkan penjualannya. Asap rokok mencemar udara yang menjadi hak setiap orang. Para perokok tidak menghormati hak majoriti yang tidak merokok. (Saya harap tiada yang 'sentap' dengan cadangan saya ini).
11. Memang bercelaru sungguh keadaan kita sekarang. Perkara baik dianggap buruk; yang buruk pula dibiarkan berleluasa, dan buat-buat tidak nampak.

Terima kasih Tun.

– Semoga Allah SWT sentiasa merahmati Tun sekeluarga –

15.



16. [Log in to Reply TokJanggut](#) Oct 15, 2017 5:51 PM

Bismillah

Bila nafsu telah menguasai diri . Apa yang seseorang itu mahukan akan diusahakannya juga tidak kira ia benar atau pun palsu. Sekali pun perkara itu boleh menyebabkannya terpesong dari landasan sebenar iaitu apabila tuhan juga dijadikan bahan dagangan. Itu adalah tahap paling teruk pada makhluk yang bernama manusia di mana fikirannya hanya tertumpu kepada nafsu semata-mata tidak lagi memikirkan tentang kekuasaan yang mengatasi segala kekuasaan iaitu ALLAH pemilik segala Kerajaan yang ada di atas muka bumi ini.

" Allah tidak ada Tuhan melainkan Dia yang Maha Kekal lagi terus menerus mengurus makhlukNya, tidak mengantuk dan tidak tidur KepunyaanNya apa yang di langit dan di bumi. Siapakah yang dapat memberi syafa'at di sisi Allah tanpa izinNya? Allah mengetahui apa-apa yang di hadapan mereka dan di belakang mereka, dan mereka tidak mengetahui apa-apa dari ilmu Allah melainkan apa yang dikehendakiNya. Kursi Allah meliputi langit dan bumi, Dan Allah tidak merasa berat memelihara keduanya, dan Allah Maha Tinggi lagi Maha Agung.

JUsteru perbalahan mengenai pemimpin yang dicanang oleh pihak yang bertuhankan nafsu semata tidak akan mengetahui kebenaran yang telah pun lenyap dari pandangan mereka. Apa yang mereka tahu adalah kuasa perlu dipertahankan walau apa cara sekalipun. INGAT setiap perkara yang dipertanggungjawabkan pada setiap manusia akan disoal satu persatu adakah dia telah menjalankan tanggungjawab sebagai pemimpin yang amanah , jujur , bijaksana dan benar. Rata rata yang ada pada hari ini hanya untuk kepuasan nafsu semata mata tanpa memikirkan perkara2 perkara pokok iaitu teras dalam menyatukan bukan memecahkan. Apakah itu yang diperintahkan oleh Nabi MUhammad SAW dalam khutbah terakhir baginda sebelum baginda wafat? AKu tidak melihat itu lagi .. apa yang ada adalah kehancuran demi kehancuran dan keyakinan kepada Tuhan yang MAHA MENCIPTA sudah tiada. Jadi sebelum bencana tiba .. adalah lebih baik kalian bertaubat sebelum terlambat ..kerana bala Tuhan datang pada bila2 masa. Dan bila ia datang tiada yang akan selamat dari bala Tuhan. Jadi di ambil mudah tentang apa yang aku sampaikan ... sekiranya kamu tidak suka buang sahaja dan jangan kamu hina kelak kamu akan binasa kerananya kerana kamu tidak mengenal yang mana intan yang mana kaca. Kerana ia seakan akan sama tapi tidak serupa.

17.



18. [Log in to Reply musato](#) Oct 15, 2017 5:05 PM

Assalamualaikum Tun.

Terima kasih pada Tun sebab sudi menghabiskan masa dan tenaga jelajah seluruh negara bagi melawan kleptorasi kerajaan Najib.

Dengar berita perhimpunan semalam tidak begitu menggalakkan.

Rakyat sebenarnya sentiasa menyokong Tun. Lihatlah ulangtahun pertama Bersatu. Meriah dan mencerikan.

Tetapi untuk membuang masa berhimpun dan menghabiskan sedikit simpanan demi PH, rasanya rakyat lebih memilih untuk berada di rumah, berehat memperbetulkan urusan yang tertanggung mungkin.

PH sudah bersedia untuk pilihanraya. Bila bila masa Najib umum pilihanraya, BN akan tumbang.

Usah cerita tentang jentera serta komunikasi PH tidak sehebat BN. Rakyat hanya menunggu masa untuk mengundi. Lagi lama Najib tangguh lagi bagus. Rakyat semakin bosan menunggu.

Bagi yang ragu ragu sebelum ini dan di atas pagar, terima kasih kerana memilih untuk memihak pada Bersatu (PH) kerana membaca tulisan tulisan saya.

Hanya dengan kaedah ini kami dapat berusaha untuk melawan kleptorasi BN dan memastikan negara aman serta suasana politik berjalan dengan teratur. Alhamdulillah.

Cuma dalam keadaan sekarang, saya hanya dapat peluang untuk berjihad melalui tulisan (iqra') sahaja.

Adalah penegasan saya untuk Tun Mahathir sendiri bergerak. Kita tiada orang lain yang boleh dipercayai selain Tun Mahathir sendiri.

Terima kasih bebanyak pada Tun Mahathir bin Mohamad.

Terima kasih Tun.

19.



20. [Log in to Reply](#) **asahamat** Oct 15, 2017 11:55 AM

Assalamualaikum wbt Tun.

(I) Melayu ie Malaysia jadi terkenal di seantero dunia melalui:

(1) Apanama, Dr Mahathir Mohammed. Dia kaki lawan Barat esp Yahudi. Dia bela Palestine malah sokong kuat Mandela. Dia nak lawan Dollar dan ganti dgn Dinar Emas. Kira Dr Mahathir ni hebat sebab di peringkat antarabangsa dia jenis kaki pukoi, dalam Negara LKS kata "he loves to build all the big2 things" ie dia kuat kerja. Saat Msia ada Twin Tower, Proton, dsb segala apanama, Msia jadi terkenal.

(2) Kedua sebab Najib. Setakat ada Twin Tower, Proton, dsb, mana Hollywood kenai Msia. Tapi bila Najib mai, US bagi dia gelaran MO1 dan dunia iktiraf dia Kleptokrat, nuhhh sampai ke Hollywoodpun Msia jadi terkenal dgn watak "Wolf of WS" yg sebenarnya adalah jlnan hidup impian Najib MO1. Patut PH pakat tayang movie ini masa ceramah utk buktikan itulah watak Najib MO1 yg telah, sedang dan akan berlaku supaya rakyat tau sebab musabab kelirihan mereka kini. Najib MO1 dia pandai bohong, tipu, songlap dan putaq alam. Dia jenis pandai kerja "atas angin".

(II) Melihat kpd suasana agak "lembap" sambutan di Padang PJ Timur ie Himpunan Selamatkan Msia 14 Okt., 2017; saya kira:

(1) Rakyat letih dah. Hari2 dok dengaq "salakan anjing", last2 rakyat pakat jadi ambil sikap "tulikan diri". Nampaknya Najib MO1 sudah mula berjaya pintas PH dgn strategi "delaying n making uncertain" dia. Awas, PH kena ingat, Melayu ni kita kena "perangat" selalu, supaya depa "tak tdoq" tetapi jgn "like anjing salak bukit" sampai depa pakat "cemuih".

(2) The bigger expectation ie HARAPAN rakyat pd PH bukanlah utk sumbat Najib MO1 dlm penjara, bukan nak bebaskan Anwar, bukan depa takut LKS jadi PM; HARAPAN rakyat, saya kira sehingga kini belum terungkai adalah "what are there in gagasan REFORMASI" yg PH hendak bawa. Sumbat Najib MO1 dlm penjara, n keluaq Anwar dari penjara, itu tak perlu reformasi @ tukar Kjaan, itu to me kerja Zoo Keeper. Perincian REFORMASI PH kini ie panjangan dari Reformasi Anwar kena perlu ada perincian bentuk, jln dan jangkaan hasilnya.

(3) In short, I can say, yg berucap kat pentas mlm tadi "pakat letih dah". Tun nampak tak cukup rehat. You guys perlu pakat have a quick good rest. Come back later with fresh firing but full of HOPE punya idea. Rakyat want HOPE. What HOPE are there PH will work on n such must b far excellent than BN-UMNO deal!

(4) Hak "muda" dlm

PH esp Bersatu, pakat blajaq jadi matang cepatlah. Jgn macam dok berebut "microphone KaraOK" lah, apa lagi dok melatah macam "budak sekolah yg sedang berebut bf @ gf".

21.



22. [Log in to Reply](#) **zulu** [Oct 14, 2017 1:13 PM](#)

Will Maaysian govt classify all MACC investigation report on opposition party members as official secret????!!! or that only applies to the poo eating pig and his piglets?

23.



24. [Log in to Reply](#) **PutraKraken** [Oct 14, 2017 1:06 PM](#)

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

Adakah kita sekarang ini merasa aman, sejahtera, makmur, bangga dan hidup dalam kerharmonian didalam masyarakat berbilang kaum, budaya dan agama?

atau...

Saban hari kita terkenang suatu masa dulu yang kita pernah merasakan kesemua yang disebut diatas....

dan kini...

Kita merasakan beban yang menghimpit yang tiada penghungnya. Kesempitan hidup seharian...membuat kita tidak terfikir lagi aib yang kita tanggung sebagai rakyat Malaysia dimata dunia.

Hutang demi kelangsungan hidup entah bila akan langasai...hingga kita tidak dapat berfikir tentang hutang negara yang pastinya kita tanggung sehingga anak cucu kita.

Pikir...pikir jugak...tapi kita mesti bertindak.

Demokrasi bukan untuk memilih Kleptokrasi.

25.



26. [Log in to Reply](#) **Anak.muda** [Oct 14, 2017 2:42 AM](#)

assalamualaikum tun,

1.saya sebenarnya baru sebentar tadi pertama kali baca blog malaysia today tersebut.saya fikirkan dapatlah juga informasi2 baru mungkin.

2.tetapi cerita dongeng rpk dalam blog tersebut buatkan sel-sel otak saya bercelaru dan mati.

3.memandangkan dia adalah seorang muflis bagi jelah tun die mengarang cerita dongengnya itu. Dapat dedak sedikit sebanyak bolehlah die sumbat dalam mulut anak bini die sikit..

4.teringat dulu tun berkata pada chegu bard,"saya tak jawab soalan kucing kurap"..hmmm tapi rpk ni mmg dah tahap2 najis kucing kurap saja. tun xperlulah sebut lagi name "najis kucing kurap" ni dalam

blog tun.buat jatuh standard saja

take care tun!

27.



28. [Log in to Reply rimba.emas](#) Oct 14, 2017 12:03 AM

Salam Tun.

1. Ya BN membandingkan diri mereka iaitu UMNO yang dominan dalam Barisan Nasional.
2. Dalam pembangkang sebelum kemasukan Parti baru seperti PPBM sudah kelihatan DAP yang memenangi banyak kerusi dalam pilihanraya terdahulu.
3. Itulah lumrah persoalan kemenangan melalui pertandingan yang memutuskan pemenang melalui satu jumlah yang besar.
4. Dalam memilih seorang manusia yang di cipta oleh tuhan kadang -kadang akan terjadi salah pilih.
5. Hanya jauhari yang mengenal manikam. Begitulah kehendak kejadian hanya Allah s. w. t yang mengenal makhluk di ciptanya.
6. Seorang Rasul di pilihnya sendiri bukan pilihan antara sesama manusia sebab akhirnya akan tiba juga kepada yang tersalah pilih.
7. Semuanya kelihatan bercelaru bila hanya ikutkan sunnah pada pandangan mata sahaja. Sedangkan akhlak hanya ada pada isi kandungan Al-Quran.
8. Kita semakin bercelaru bila yang sudah tertulis untuk kita manusia di tambah-tambah sehingga menjadi bida'ah.
9. Tun , Rimba Emas menjadi bercelaru dengan apa yang ada dalam Parti Politik yang di ada-adakan sehingga menjadi seperti keadaan bida'ah.
10. Benda yang di ada-adakan seperti GST, sebarang pemansuhan , penolakan , pemotongan akan membawa kesan kepada rakyat bawahan.

11. Selagi persoalan yang terbeban kepada rakyat tidak di perbaiki maka semua yang bercelaru ini akan sentiasa bermain di bibir para pemimpin sekarang.

12. Agama sudah di permudahkan tuhannya sebaliknya manusia yang membuatnya bercelaru dan menyulitkan.

Wallahua'lam.

29.



30. [Log in to Reply](#) **adyunix** [Oct 13,2017 11:17 AM](#)

Kecelaruan ini semakin berleluasa kerana mendapat sokongan dari ahli2 yg menggelarkan diri mereka warak..itulah bahaya jika dedak menjadi agenda peribadi

31.



32. [Log in to Reply](#) **Shah** [Oct 13,2017 11:07 AM](#)

Salam Jumaat kepada Tun M

Cukup padat ringkasan karangan yang dibuat Tun M.

Secukup rasa dan orang utara cakap "TERPELEOTT" depa semua.

Wassalam

© 2017 Chedet — All Rights Reserved.

Source: <http://chedet.cc/?p=2638>